

Penubuhan Briged Silat dapat sokongan

27 DEC 1989 B. Harian (M)

MELAKA, Selasa — Kerajaan Melaka akan menyokong segala usaha Majlis Gabungan Seni Silat Negeri (MGSNM) untuk menubuhkan Briged Silat yang dianggotai oleh beberapa pesilat daripada pelbagai persatuan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal-Ehwal Pendidikan, Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri, Haji Jaafar Lajis, berkata penubuhan briged itu akan dapat mengembangkan seni silat Melayu kepada masyarakat luar secara lebih meluas.

Menurutnya, kerajaan negeri akan berusaha memberikan pelbagai bantuan yang diperlukan bagi menubuh serta memajukan briged berkenaan.

Beliau berkata, jika briged silat itu berjaya ditubuhkan, ia adalah kejayaan kepada MGSNM yang sentiasa berusaha mengetengahkan seni silat Melayu di majlis keramaian dan acara rasmi kerajaan.

"Penubuhan briged ini, sekurang-kurangnya dapat menggambarkan usaha gigih MGSNM selama ini untuk menghidupkan kembali seni si-



HAJI JAAFAR LAJIS

lat Melayu," katanya ketika merasmikan Kursus Wasit dan Juri Silat Olahraga anjuran MGSNM di Gelanggang Budaya Ayer Keroh dekat sini, petang ini.

Sehubungan itu, Haji Jaafar meminta jawatankuasa MGSNM menyediakan kertas kerja secepat mungkin untuk dibincangkan di peringkat jawatankuasanya.

Sebelum itu, Yang Dipertua MGSNM, Datuk Haji Nasir Haji Manaf, berkata sehingga kini 18 persatuan silat sudah menjadi ahli gabungan MGSNM.

Menurutnya, antara persatuan silat itu ialah Cempaka Rimau, Bakawali, Hulubalang, Pukulan Sendeng dan Seni Silat Kunci Melayu (Sikume).

"MGSNM juga akan mengadakan pertandingan silat olahraga peringkat negeri Melaka bulan depan untuk memilih wakil negeri ke pertandingan silat olahraga peringkat kebangsaan, yang akan diadakan Februari ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga bercadang mengadakan pertandingan pasukan kompiang silat sebagai cara menggalakkan mereka memperbaiki pasukan masing-masing.

Sementara itu, 48 peserta akan menyertai kursus wasit dan juri selama enam hari bermula hari ini.

Setiap peserta diwajibkan menghadiri kursus teori dan amali yang diadakan sebelum mereka diberikan sijil pada 31 Disember ini.